

12 APR 1997

Muhammad-Reaksi (Nasional)

PEMUDA HORMATI KEPUTUSAN MUHAMMAD

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno menghormati keputusan Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib meletak jawatan sebagai Menteri Besar Selangor atas kerelaannya sendiri.

"Apa yang dilakukannya itu merupakan satu pengorbanan besar untuk menjaga imej parti," kata Ketua Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi kepada pemberita selepas menghadiri seminar dan pameran kebangsaan bagi meningkatkan golongan usahawan menengah Melayu di sini hari ini.

Pemuda menghormati tindakan Muhammad itu yang meletak jawatan sebelum diminta parti dan sebelum kesnya di mahkamah Australia diputuskan, katanya semasa mengulas peletakan jawatan Muhammad yang diumumkan Perdana Menteri selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno hari ini.

Muhammad menghadapi tuduhan cuba membawa wang tunai yang nilainya bersamaan RM2.4 juta dari Australia tanpa diisytiharkan dan membuat pengisytiharan palsu mengenainya. Kes beliau akan dibicarakan di mahkamah Brisbane pada 19 Ogos.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed yang turut hadir pada majlis itu sependapat dengan Ahmad Zahid dan berkata keputusan Muhammad itu bukan mudah untuk dilakukan memandangkan beliau telah mempunyai kedudukan tinggi dalam parti dan kerajaan.

Mustapa yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno berkata pengorbanan besar Muhammad itu harus dicontohi oleh pemimpin lain.

Selain meletak jawatan sebagai Menteri Besar, Muhammad turut melepaskan jawatan sebagai Ketua Perhubungan Umno Selangor dan Wilayah Persekutuan serta Pengerusi Barisan Nasional Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang pula menasihatkan Muhammad supaya sama ada mengesah atau menafikan kesemua kekayaan dan dakwaan terhadap dirinya.

Oleh kerana Muhammad, katanya masih dalam arus perdana politik dengan mengekalkan kedudukannya sebagai Naib Presiden Umno, beliau harus menegakkan prinsip kebertanggungjawaban, ketelusan serta integriti dan tidak harus berdiam diri dengan segala dakwaan terhadap beliau mengenai pembelian hartanah di Brisbane yang dikatakan bernilai berjuta-juta ringgit.

Lim berkata beliau telah menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta beliau mengarahkan Muhammad memberi penjelasan kepada umum mengenai laporan media antarabangsa tentangnya hartanya.

Di KOTA BAHARU, Umno Kelantan melahirkan rasa dukacita dengan peletakan jawatan Muhammad.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata sebagai seorang kawan beliau harus menghormati keputusan yang dibuat Muhammad.

"Saya percaya beliau telah menimbang dengan semasak-masaknya sebelum membuat keputusan dan beliau juga memikirkan soal parti serta negara," katanya.

Annuar berkata semua pihak harus bersabar dan jangan bertindak dengan menghukum Muhammad seolah-olah itulah satu keputusan yang menunjukkan beliau bersalah.

"Sebaliknya kita harus mengaku kebijaksanaan Muhammad dalam membuat keputusan yang penting itu demi parti dan negara," katanya.--BERNAMA

ARA ZI RON